



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PERASMIAN SEMINAR KEJURUTERAAN PAIP DAN PERENCAH

Kota Kinabalu – Kira-kira 1,000 peserta terdiri daripada kontraktor Bumiputera Gred 1 – Gred 7 (G1-G7) telah menghadiri Seminar Kejuruteraan Paip dan Perencah yang diadakan di empat negeri iaitu Selangor, Johor, Pulau Pinang dan kali ini di Sabah. Seminar peringkat negeri Sabah yang disertai kira-kira 250 peserta dirasmikan oleh Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Hj. Fadillah bin Hj. Yusof. Sebelum ini seminar serupa di Selangor disertai 311 kontraktor Bumiputera, di Johor (202) dan di Pulau Pinang (192)

Seminar ini bertujuan memberi pendedahan berkenaan teknologi kejuruteraan paip dan perancah melalui pengenalan kepada EUROCODE di samping mempertingkatkan kemahiran serta kompetensi kontraktor Bumiputera khususnya.

Objektif utama pengumuman seminar pada hari ini adalah :

- (i) Memperkenalkan dan menyedarkan kontraktor binaan Bumiputera mengenai kepentingan latihan serta pembelajaran berterusan dalam merealisasikan konsep pembelajaran sepanjang hayat (life long learning). Ini akan memastikan kontraktor binaan Bumiputera lebih berdaya saing dan kompeten dalam industri pembinaan;
- (ii) Memperkasakan jati diri dan semangat juang kontraktor binaan Bumiputera khususnya dalam menghadapi serta menangani cabaran dan persaingan dalam kepelbagaian bidang ekonomi serta perniagaan yang semakin sengit dan getir dalam arena global masa kini; dan

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my | 📺 Kementerian Kerja Raya | 📱 @MOWorks | ✉ Pro@kkr.gov.my